




1
PROSES bermula dengan mendapatkan saiz dinding sebenar sebelum membahagikan dinding kepada beberapa panel kayu.



2
KAYU yang sudah dipotong mengikut ukuran kemudian diletakkan warna asas dan dikeringkan sebelum proses lakaran corak bermula.



3
LAKARAN corak dibuat di atas kertas secara manual menggunakan pensel.



4
LAKARAN berkenaan ditebuk bagi menghasilkan templat sebelum ditekap di atas kayu.



5
TEMPLAT corak yang siap ditebuk kemudian ditekap pada kayu menggunakan serbuk arang bagi menghasilkan lakaran corak.

■ KEMASAN AJAMI

Hanan netro
14/1/17
MIS 4

PROSES RUMIT GUNA KAYU TEBAL

Ambil masa hingga 3 bulan untuk disiapkan mengikut saiz ukuran dinding, siling

Nor Hanisah Kamaruzaman
rencana@hmetro.com.my

Proses menyiapkan kemasan Ajami memakan masa kira-kira satu hingga tiga bulan

mengikut saiz dan ukuran dinding atau siling. Satu dinding biasanya dibahagikan kepada beberapa panel kayu yang dibuat berasingan dan kemudian

buat lakaran awal corak dan warna mengikut permintaan pelanggan sebelum kerja tangan bermula.

"Pertama sekali kayu dipotong mengikut saiz ukuran kemudian ia disapu dengan cat asas sebelum dikeringkan selama beberapa hari.

"Sementara menunggu cat itu kering, kami membuat lakaran menggunakan pensel di atas kertas yang kemudian bakal dijadikan templat," katanya.

Selepas itu, lakaran menggunakan pensel itu ditebuk dan diletakkan di atas kayu yang sudah kering untuk melakar semula corak berkenaan.

"Tujuan ia ditebuk bagi memudahkan kami melakar semula di atas kayu dengan menaburkan serbuk arang ke atas templat berkenaan," katanya.

Ziad berkata, proses seterusnya mengambil masa yang agak lama kerana memerlukan kepakaran khas dan teliti bagi menghasilkan kesan timbul yang kemas.

"Bagi menghasilkan corak yang timbul, kami campurkan beberapa bahan seperti pekat dan plaster bagi menghasilkan campuran pekat yang keras apabila dikeringkan.

"Campuran yang terlalu cair membuatkan ia mudah rosak dan tidak keras se-

penuhnya serta mengambil masa tertentu untuk meletakkan pada corak yang sudah dilakar saja.

"Kadangkala corak bunga itu agak rapat antara satu sama lain jadi perlu lebih teliti supaya ia tidak bercampur," kata Ziad yang mempunyai kelulusan sarjana dalam seni bina dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Selepas campuran itu dikeringkan beberapa hari, ia kemudian disapukan dengan warna asas sekali lagi sebelum proses mewarna bermula.

Proses mewarna juga mengambil masa kerana membabitkan beberapa peringkat mewarna dan secara tidak langsung memerlukan tempoh tertentu untuk kering bagi setiap peringkat.

"Sementara proses mewarna yang pertama membabitkan warna latar. Selepas warna latar disalut ia kemudian dikeringkan sebelum warna lapisan kedua iaitu warna corak timbul disapu.

"Selepas warna kedua kering, lapisan warna ketiga diletakkan dan ia membabitkan perincian seperti warna pembayang serta warna emas atau perak pada corak timbul berkenaan.

"Warna-warna berkenaan disapu bukan saja untuk memberi perincian tapi turut menambah seri dan keseniannya," katanya.

Proses akhir membabitkan garis luar atau 'outline' menggunakan dakwat hitam dan berus tirus pada setiap corak bertujuan menonjolkan lagi keindahan.

Ziad tidak menafikan warna digunakan adalah sumber semula jadi, halad dan berbentuk serbuk yang kemudian dicampur dengan minyak serta bahan lain untuk dijadikan warna cecair.



6
LAKARAN corak terhasil bagi memudahkan proses seterusnya dilakukan.




7
PROSES mewarna bermula dengan lapisan warna asas dan dikeringkan sebelum lapisan warna latar diletakkan.



8
CAMPURAN khas pekat dan plaster serta bahan lain kemudian diletak pada corak yang ditekap bagi menghasilkan kesan timbul.



9
KARYA Ajami rumit dan teliti serta mengambil masa kerana melalui beberapa proses mewarna dan pengeringan.



10
PROSES akhir membabitkan penerapan dakwat hitam sebagai garisan luar untuk menonjolkan lagi corak timbul.